


## BAB 2: EKONOMI MALAYSIA

### 2.1 Tingkat pembangunan Malaysia.

Untuk menerangkan proses pertumbuhan ekonomi di Malaysia, rangka kerja yang dihasilkan oleh M. Porter berkenaan tingkat-tingkat pembangunan adalah baik untuk digunakan. Ianya mudah difahami dan digunakan berbanding model-model yang lain seperti Rostow dan lain-lain.



Dalam model ini yang diilhamkan oleh Porter (1999) di dalam rajah 2.1, beliau menekankan bahawa setiap negara akan menempuh 4 tingkat pembangunan dengan 3 tingkat pembangunan pertama adalah melibatkan proses untuk meningkatkan daya saing kepada sesebuah negara, dan ini akan membawa ekonomi kepada kemakmuran yang tinggi. Dengan lain perkataan, dalam 3 tingkat ini, negara dapat memajukan ekonomi. Walaubagaimanapun, tingkat yang terakhir adalah tingkat di mana ekonomi negara dijangka akan merosot.

Jadual 2.1: Struktur eksport Malaysia. (% daripada jumlah eksport).

	1965	1970	1975	1980	1985	1990	1995	1998
Barang pertanian dan komoditi	85	78.5	70.6	72.3	54.8	32.8	15	11.4
Barangan pembuatan	8	11.9	21.4	21.7	32.6	55.2	75.7	79.7
Lain-lain	17	9.6	8	6	12.6	12	9.3	8.9

Sumber: ADB Key Economic Indicator of Developing countries (Malaysia)

Berdasarkan kepada jadual 2.1, kita dapat melihat bahawa Malaysia banyak bergantung kepada sektor pertanian dan komoditi sebagai sumber pendapatan yang utama di awal peringkat pembangunan. Pada dasarnya, Malaysia adalah negara yang berdasarkan eksport. Merujuk kepada jadual 2.1, sehingga 1985, pertanian dan komoditi memainkan peranan yang penting dalam eksport Malaysia dengan jumlah eksportnya mewakili separuh daripada jumlah eksport keseluruhan (54.8%). Angka ini adalah lebih besar pada tahun-tahun sebelum itu.

Sebelum 1965, Malaysia sudah pun memulakan satu usaha untuk mengurangkan pergantungan kepada sektor pertanian dan komoditi selepas mencapai kemerdekaan. Sebaliknya, pertumbuhan dalam sektor pembuatan adalah digalakkan. Untuk memasuki tahap pembangunan yang lebih tinggi, usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan asing perlu dibuat.

Perpindahan tahap pembangunan kepada tingkat berdasarkan pelaburan tidak begitu ketara sehinggalah lewat 1980-an. Seperti yang kita dapat lihat pada jadual 2.1, pada tahun 1990, pertanian dan komoditi masih mempunyai peratus atas eksport yang

---

<sup>1</sup> Untuk maklumat lanjut sila lihat appendik c.2.


tinggi iaitu 32.8% tetapi perhatikan kepada peratusan eksport barang pembuatan. Peratusan eksport sektor pembuatan bukan setakat memintas peratusan eksport sektor pertanian dan komoditi, tetapi nilainya melebihi separuh daripada keseluruhan nilai eksport. Walaupun berlaku krisis kewangan Asian, yang mengbongkar segala kelemahan struktur ekonomi di Malaysia yang selama ini tidak jelas, serta menyebabkan berkurangnya keyakinan pelabur asing (inilah yang menyebabkan penurunan dalam jumlah pelaburan asing ke Malaysia), Malaysia masih mampu mengekalkan statusnya di tingkat berdasarkan pelaburan dan ini dibuktikan oleh kenyataan bahawa peratus barang pembuatan yang dieksport telah berjaya mengatasi eksport pertanian dan komoditi dengan banyaknya.

Malaysia, walaubagaimanapun, sehingga ke pertengahan 1990-an masih berada di tingkat berdasarkan pelaburan, tingkat di mana teknik pengeluaran secara besar-besaran atas barang yang standard menggunakan teknik yang dibuat khas untuk pengeluaran dan dioperasikan oleh buruh tidak mahir adalah tidak lagi strategik, terutamanya di era globalisasi yang mendatang ini. Jangka hayat barang adalah lebih singkat dan oleh itu menjadi satu keperluan untuk sentiasa membuat perubahan kepada keluaran dalam jangka masa yang singkat. Teknik pengeluaran yang berdasarkan inovasi ini sebenarnya telah dikesan di negara-negara maju dan berkemungkinan untuk merebak ke negara membangun. Persoalannya sekarang ialah sejauh mana kemampuan Malaysia untuk menerima teknik inovasi. Ini kerana tahap pembangunan sumber manusia yang masih di tahap yang rendah (Kitamura, 1997). Walaubagaimanapun, Malaysia sedang berusaha untuk memasuki peringkat ekonomi berdasarkan inovasi tetapi usaha itu masih di peringkat yang awal.


Yang jelas, kalau dilihat daripada sudut yang lebih luas dan umum, di bawah Industrial Master Plan ke-2, Malaysia memerlukan sumber kewangan bernilai sehingga RM2500 bilion (Kitamura, 1997). Ini menunjukkan bahawa untuk tujuan pembangunan ekonomi di negara ini, Malaysia tidak dapat lari daripada bergantung kepada modal asing (malah melebihi daripada separuh belanjawan).

## **2.2 KDNK dan sumber-sumber modal di Malaysia.**

Daripada graf 2.1, kita dapat perhatikan betapa tabungan (swasta dan kerajaan) mempunyai pergerakan yang seakan sama dengan pergerakan bagi keluaran dalam negara kasar (KDNK). Ini sedikit sebanyak menjelaskan perihal kepentingan tabungan kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Walaubagaimanapun, jumlah ini adalah tidak mencukupi memandangkan ianya terpaksa diagihkan kepada pelbagai sektor. Ini berbeza dengan FDI (dan modal jangka panjang yang lain) yang walaupun kuantitinya tidaklah sehebat simpanan, tetapi ianya banyak tertumpu kepada sektor pembuatan. Ini terbukti apabila terdapatnya kajian yang mendapati syarikat asing mempunyai jumlah modal yang lebih tinggi berbanding syarikat tempatan. Lim (1979) dalam kajiannya berkenaan perkara ini dan kajiannya yang merangkumi 30 kumpulan industri mendapati purata nilai modal di kalangan syarikat tempatan ialah RM 40,093 berbanding RM 715,566 oleh syarikat asing. Oleh itu, jelaslah bahawa jumlah modal di kalangan syarikat asing adalah jauh lebih tinggi mengatasi syarikat tempatan. Inilah sebab utama mengapa syarikat-syarikat asing mengoperasikan kilangnya dengan masa yang lebih panjang dan intensif berbanding syarikat tempatan.



Sumber: BNM (1994, 2001)



Sumber: BNM (1994, 2001)

Begitu juga dengan modal rasmi yang kuantitinya agak rendah tetapi memainkan peranan yang agak penting dalam membantu kerajaan untuk membangunkan kemudahan awam dan kemudahan untuk aktiviti ekonomi. Apa yang pasti, berdasarkan kepada graf 2.2, kerajaan sangat memerlukan bantuan modal asing (rasmi) untuk tujuan perbelanjaan pembangunannya memandangkan keperluan perbelanjaan awam sentiasa melebihi sumber yang ada. Walaupun keadaan hutang luar kerajaan dalam keadaan yang menurun sekarang tetapi ianya masih lagi positif.

### **2.3 Pengaruh tabungan kepada ekonomi.**

Di sini, analisa berkenaan pengaruh tabungan kepada ekonomi negara dilihat dari sudut jurang tabungan – pelaburan, iaitu apa akan terjadi kepada ekonomi negara sekiranya berlaku jurang yang ketara di antara keduanya.

Jadual 2.2: Kadar pertukaran RM dan Perubahan Rezab Bersih BNM.

Tahun	RM bagi seunit (purata bagi tempoh)				Perubahan Rezab Bersih (RM juta)
	USD	STG	SDR	SS	
1970	3.0797	7.3753	3.0612	1	-132
1975	2.4024	5.3198	2.9159	1.0126	-172
1980	2.1765	5.0593	2.8324	1.0165	-1078
1985	2.4624	3.2099	2.5212	1.1286	-2827
1990	2.7044	4.8253	3.6565	1.4938	-5365
1995	2.5405	3.9302	3.7764	1.7958	4403
1999	3.8	6.1389	5.2096	2.2809	-17819

Sumber: BNM (1994, 2001)

Defisit dalam akaun semasa imbangan pembayaran, yang bermakna pengurangan dalam jumlah tabungan negara, akan memberikan kesan negatif kepada kadar pertukaran asing dan rezab Bank Negara.

### **2.3.1 Kesan ke atas kadar pertukaran asing.**

Secara umum, defisit akaun semasa akan melemahkan nilai mata wang sesebuah negara berbanding dengan mata wang negara lain. Dalam kes Malaysia, perhubungan positif sedemikian rupa adalah tidak jelas. Keadaan ini dapat dianalisa daripada Jadual 2.2 di atas. Dalam tempoh kajian ini, akaun semasa sangat tidak memuaskan kerana sentiasa merekodkan hasil yang negatif. Berdasarkan jadual 2.2, kadar pertukaran asing Malaysia kelihatan bertambah baik jika dibandingkan dengan mata wang SDR, US\$ dan £ (sterling), kecuali dengan mata wang Singapura (S\$) sebelum berlakunya krisis ekonomi pada akhir 1997. Walaubagaimanapun, kadar pertukaran menjadi kurang menarik selepas berlakunya krisis ekonomi yang sedikit sebanyak telah menjelaskan prestasi ringgit di pasaran antarabangsa dengan ringgit menjadi semakin murah berbanding mata wang negara lain. Oleh itu, satu usaha untuk mengurangkan jurang tabungan-pelaburan dengan meningkatkan tahap tabungan perlu dibuat.

### **2.3.2 Kesan Ke Atas Rizab Bersih Bank Negara**

Dari segi rizab bersih di Bank Negara, defisit akaun semasa telah menyebabkan rizab bersih berkurangan daripada negatif RM132 juta pada tahun 1970 kepada negatif RM17,819 pada tahun 1999 (lihat jadual 2.2 di atas). Keadaan ini akan mempengaruhi

pertumbuhan ekonomi kerana kemerosotan rizab bersih di Bank Negara akan melemahkan sistem kewangan negara. Oleh itu, masalah pokok, iaitu kewujudan jurang tabungan – pelaburan yang tinggi dan menyebabkan defisit akaun semasa imbangan pembayaran perlulah diatasi.

## **2.4 Pengaruh pelaburan asing: FDI dan modal rasmi.**

### **2.4.1 Tenaga buruh.**

Dengan kemasukan modal asing (jangka panjang) perindustrian di Malaysia telah berkembang pesat. Kepesatan ini juga telah membantu Malaysia menyelesaikan masalah pengangguran di Malaysia. Ini kerana berbanding syarikat-syarikat tempatan, syarikat-syarikat asing lebih banyak menawarkan peluang pekerjaan. Sebagaimana kajian Anuwar et al. (1993) yang mendapati bahawa syarikat asing mempunyai kapasiti penciptaan peluang pekerjaan langsung yang lebih tinggi di antara tahun 1974 – 90. Yew (1988) pula mendapati bahawa lebih  $\frac{3}{4}$  pekerjaan yang tercipta di dalam industri “peralatan mesin” serta “elektrik dan elektronik” adalah oleh syarikat-syarikat asing, berdasarkan kepada jumlah pekerjaan dicipta oleh setiap syarikat dan juga bagi setiap aset tetap.

Berdasarkan kepada graf 2.3 dan 2.4, sama ada mengikut nilai mutlak atau peratus perubahan agihan buruh mengikut sektor, kita dapat melihat bagaimana sektor pembuatan telah mengatasi sektor pertanian dalam tahun 1990-an. Berbanding sektor pertanian yang mengalami penurunan dalam nilai mutlak dan peratus perubahan agihan buruh serta sektor perkhidmatan juga mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan. Sektor perkhidmatan juga sedang hangat diperkatakan sekarang sebagai penyumbang kepada

pertumbuhan ekonomi yang baru dan kelihatan sumbangannya yang ketara dari sudut penciptaan peluang pekerjaan berdasarkan kepada graf 2.2 dan 2.4 yang mana ianya berada di belakang sektor pembuatan. Selain itu, sektor pembinaan juga mencatatkan satu pertumbuhan yang positif walaupun dalam kuantiti penciptaan buruh yang marginal. Ini mungkin disebabkan oleh penglibatan syarikat asing di Malaysia. Ishak dan Jomo (1990) telah menyenaraikan beberapa projek pembinaan yang diberikan kepada syarikat asing.

Lain-lain sektor masih tidak menunjukkan prestasi yang jelas. Ini mungkin disebabkan kekurangan teknologi dan modal (akibat kurangnya penglibatan pelabur asing) untuk memperkembangkan sektor-sektor terbabit sebagaimana yang berlaku dalam sektor pembuatan.

adual 2.3: Pembinaan oleh syarikat luar<sup>2</sup>.


Projek	Syarikat Pembinaan Asing
Jayabumi	Takenaka Komunten dan Kumagai Gumi (Jepun)
Bu Pejabat UMNO	Takenaka Komunten, Kumagai Gumi dan Shimuzu Kenetsu (Jepun)
ambatan Pulau Pinang	Hyundai (Korea)
Empangan Kenyir	Hyundai (Korea)
Bu Pejabat Pernas	Shimuzu Kenetsu (Jepun)
Bu Pejabat Bernas	Keang Nam/ Dae Woo Construction (Korea)
rojek Gas Asli Sabah	Daelim (Korea)

Sumber: Ishak Shaari dan Jomo (1990)

---


<sup>2</sup> Daripada Chamhury et al. (1999).

**Graf 2.3: PERATUS PERUBAHAN TENAGA BURUH MENGIKUT SEKTOR.**



Sumber: BNM (1994, 2001)

**Graf 2.4: AGIHAN BURUH, MALAYSIA**



Sumber: BNM (1994, 2001)

Walaubagaimana berpotensinya masa depan ekonomi Malaysia, masih terdapat masalah-masalah berkenaan sumber manusia terutamanya kekurangan yang ketara dalam tenaga buruh mahir, kumpulan R&D dan lain-lain aspek sumber tenaga. Sebagai satu langkah mengatasi masalah ini, kerajaan telah mengurangkan sekatan ke atas penggunaan pakar-pakar dari luar terutamanya dalam menjayakan MSC, (had kerja di tingkatkan kepada 10 tahun). Pada masa yang sama, Malaysia juga telah menambahkan perbelanjaan ke atas R&D dengan tujuan untuk meningkatkan produktiviti pekerja, terutamanya produktiviti faktor keseluruhan (TFP).

Masalah tenaga buruh sebenarnya tidak terhad kepada kekurangan buruh mahir sahaja tetapi masalah yang nyata juga dirasai berkenaan tenaga buruh yang tidak atau kurang mahir. Situasi ini dibuktikan oleh keadaan bertambahnya kedatangan buruh asing tidak mahir ke Malaysia yang ramai dan juga nilai bayaran pindahan yang semakin meningkat. Nilai pindahan terbesar adalah disebabkan oleh penghantaran pulang wang oleh pekerja kurang mahir ini ke negara mereka.

#### **2.4.2 Limpahan teknologi.**

Sebenarnya kepentingan FDI banyak dilihat dari sudut kemahiran dan teknologi, iaitu keinginan untuk meningkatkan tahap kemahiran dan teknologi tempatan, berbanding sebagai sumber kewangan itu sendiri. Dengan lain perkataan, pindahan teknologi dan limpahan teknologi adalah merupakan tujuan utama penarikan modal asing ke Malaysia. Hasil kajian yang lepas terhadap kesan limpahan teknologi kepada Malaysia adalah berbeza-beza. Rajah (1992) misalnya telah membuktikan bahawa perubahan di dalam


strategi pengeluaran oleh syarikat multinational telah membolehkan syarikat pembuatan tempatan mendapatkan teknologi terkini dan seterusnya meningkatkan kemampuan mereka melalui perhubungan dengan syarikat asing. Secara tidak langsung, ianya menjadi bukti limpahan teknologi berlaku di Malaysia. Di dalam kajian beliau mengikut sektor pula, beliau mendapati di dalam industri elektrik dan elektronik, syarikat telekomunikasi dan semikonduktor mencatatkan pindahan teknologi yang paling besar. Tetapi, beliau juga mendapati bahawa limpahan teknologi di dalam syarikat semikonduktor hanya terbatas kepada sekor permesinan.

Anuwar et al. (1993) pula menyatakan kesimpulan yang agak berbeza, iaitu limpahan teknologi terhadap pengeluaran tempatan adalah pada tahap yang sangat minimum atau terhad.

#### **2.4.3 Pindahan harga (“transfer pricing”).**

Satu perkara yang menjadi topik penting dalam FDI ialah kegiatan “pindahan harga (transfer pricing)”. Pindahan harga ialah satu kegiatan di mana syarikat asing yang beroperasi di sesebuah negara yang mengenakan cukai yang tinggi akan meninggikan nilai invois import dan merendahkan nilai invois eksport dengan tujuan untuk merendahkan catatan keuntungan syarikat. Keuntungan syarikat sebenarnya dipindahkan ke negara lain yang tidak mengenakan cukai yang tinggi.

Dengan adanya kegiatan ini, jumlah cukai yang dibayar oleh syarikat asing akan menjadi rendah berbanding jumlah yang sebenarnya mesti dibayar oleh mereka dan ini akan mengurangkan pendapatan kerajaan (melalui cukai syarikat) dan seterusnya merendahkan tahap simpanan. Keadaan pindahan harga di Malaysia di katakan sebagai agak membimbangkan. Ini dapat dilihat melalui graf 2.5, di mana dengan jelasnya peratus cukai yang dibayar oleh syarikat asing atas untung syarikat adalah jauh lebih rendah berbanding peratus yang dibayar oleh syarikat tempatan..




Sumber: Anuwar Ali (1993, in Jomo (1993)).

#### **2.4.4 Perhubungan dengan industri tempatan.**

Graf 2.6 menunjukkan pergerakan eksport dan komponen-komponen di dalam import (iaitu barang pengguna, barang pelaburan dan barang pertengahan). Eksport kelihatan meningkat dengan kadar yang lebih tinggi terutamanya selepas 1986 (selari dengan permulaan polisi pelaburan yang lebih liberal untuk menarik lebih banyak pelaburan luar). Walaupun di dalam graf 2.6, tiada graf bagi aliran import total, tetapi berdasarkan kepada graf bagi import barang pertengahan dan barang pelaburan, kita dapat melihat betapa sebenarnya barang eksport Malaysia mengandungi kadar barang import yang tinggi. Apa yang penting di sini ialah pergerakan yang seakan selari di antara dua graf komponen import tersebut dengan pergerakan eksport di mana di ketika jumlah eksport meningkat pada kadar yang lebih tinggi pada tahun 1986, begitu jugalah kelihatannya apa yang berlaku kepada kedua-dua komponen import.


Perkara ini sebenarnya bukanlah terlalu asing kerana terdapat kajian-kajian lepas yang menunjukkan kesimpulan yang hampir-hampir sama. Misalnya, O'Brien (1993) di dalam kajiannya di Malaysia mendapati bahawa syarikat-syarikat asing cenderung untuk mendapatkan sumber-sumber pengeluaran dari negara di mana terdapatnya ibu pejabat syarikat terbabit walaupun dalam hal penstruktur semula syarikat-syarikat sedia ada. Dengan keputusan yang hampir sama, Anuwar et al. (1993) juga mendapati, kecuali kepada sektor yang beroperasi berasaskan kepada sumber-sumber semulajadi, hanya terdapat sedikit bukti yang menunjukkan bahawa syarikat-syarikat asing yang ditemubual mendapatkan sumber-sumber pengeluaran (sama ada bahan mentah atau barang pertengahan) daripada pembekal-pembekal tempatan.

**Graf 2.6: EKSPORT DAN IMPORT KASAR**



Sumber: BNM (1994, 2001)

**Graf 2.7: KADAR IMP/EKP SYARIKAT [TEMPATAN DAN ASING]**



Sumber: Malaysian Report on the Financial Survey of Limited Company.

Keadaan ini dapat juga diterangkan dengan lebih jelas melalui graf 2.7. Graf 2.7 menunjukkan kadar import/eksport oleh syarikat-syarikat berhad tempatan dan asing. Apa yang menakjubkan ialah nilai import/eksport yang melebihi satu oleh syarikat asing pada tahun 1981 dan 1985. walaupun pun kadar ini berkurangan bagi syarikat asing, namun nilai import/eksport bagi syarikat asing masih berkisar di antara 0.5 (atau 50%) dan 1 (100%). Lebih menakjubkan lagi jika dilihat nilai import/eksport syarikat tempatan. Walaupun tiada catatan dibuat melebihi nilai 1, tetapi nilai import/eksport bagi syarikat-syarikat tempatan memberitahu kita bahawa lebih 50% daripada nilai keluaran syarikat tempatan mengandungi barang import.

Capannelli (1977) pula telah merumuskan dengan memberikan salah satu alasan mengapa perkara seperti ini berlaku di Malaysia sebagai berikut:

“....reported data on local procurement ratios of Japanese assemblers and on the evaluated increase in suppliers technical knowledge slowed that Malaysia suppliers were still lagging behind. This may be related to a low entry of indigenous firms in the domestic supporting industry and to the fact that before the start of the export-orientation phase (2<sup>nd</sup> half of 1980s), the internal demand could satisfied even with a poor quality of input....”, pp. 656.

Umumnya, masalah ini wujud kerana perhubungan industri (industri linkages) adalah lemah. Perkara pokok yang menjadi masalah ialah struktur industri yang tidak stabil, sama ada di kalangan syarikat-syarikat di dalam industri yang sama (intra-industry linkages) mahu pun di antara industri-industri (inter-industry linkages). Kebanyakan syarikat asing yang memasuki zon perdagangan bebas hanya mempunyai maksud untuk mengeksport dan tidak membuat perhubungan dengan syarikat-syarikat tempatan. Situasi


ini diburukkan lagi oleh ketidakmatangan syarikat-syarikat kecil dan sederhana tempatan serta kurangnya tenaga buruh (terutamanya yang mahir).

Untuk menyelesaikan masalah ini, Malaysia perlu berusaha untuk memasuki era ekonomi nilai tambah (dengan lain perkataan dapat meningkatkan tahap teknologi sedia ada) dan berharap dapat menjadi negara pertama yang mencapainya. Walaubagaimanapun, Malaysia terus terpaksa bergantung (malah pergantungan yang lebih hebat) kepada modal asing untuk menjayakan program yang sekarang ini sedang giat diperkata dan diperbincangkan iaitu Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor: MSC). MSC merupakan satu konsep yang memerlukan banyak pergantungan kepada modal asing dalam semua aspek iaitu daripada ‘hardware’ dan kewangan sehingga kepada teknologi dan sumber manusia.


#### **2.4.5 Imbangan pembayaran.**

##### **i. Akaun dagang.**

Imbangan dagang pada dasarnya adalah baik dengan rekod yang hampir bersih bagi nilai positif, kecuali bagi tahun di mana berlakunya kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1981 – 1982. Walaubagaimanapun, nilai imbangan dagang yang kecil sebenarnya menjadi pokok persoalan di sini kerana jumlah eksport yang agak besar nilai mutlaknya telah diikuti dengan jumlah import yang agak besar yang seterusnya kurang memberikan kesan yang baik kepada imbangan pembayaran keseluruhan (lihat graf 2.8). Ini mungkin disebabkan kegiatan syarikat-syarikat asing yang lebih suka mendapatkan input keluaran dari negara asal mereka.



Sumber: BNM (1994, 2001)



Sumber: BNM (1994, 2001)

Inilah sebenarnya kesan negatif daripada FDI yang harus diberikan perhatian oleh Malaysia. Satu kajian semula terhadap Industrial Master Plan (1986 – 95)<sup>3</sup> mendapati kebanyakan aktiviti eksport dilakukan oleh syarikat-syarikat asing dan ianya mewakili hampir 82% daripada keseluruhan eksport Malaysia. Ini memberikan gambaran bahawa selain aktiviti eksport mereka yang banyak mengandungi input yang diimport, kegiatan mereka yang agak bebas sebenarnya mengundang bahaya. Misalnya, dalam tahun 1996, eksport Malaysia menjadi perlahan dengan drastik kerana berlakunya kejatuhan harga akibat daripada pengeluaran berlebihan VTRs dan ICs oleh syarikat asing yang mana aktiviti mereka ini tidak banyak dipengaruhi oleh polisi kerajaan Malaysia dan ianya mampu memberikan kesan kepadaimbangan makroekonomi negara ini.

## ii. Akaun Perkhidmatan

Butir pembayaran perkhidmatan yang terbesar ialah pendapatan pelaburan kepada bukan warganegara (lihat graf 2.9). Sebahagian besar daripada pembayaran ini adalah dalam bentuk keuntungan dan dividen ke atas pelaburan asing dan bakinya bagi pembayaran kadar bunga bagi pinjaman luar. Jumlah pendapatan pelaburan ini berbeza-beza mengikut kadar keuntungan dan harga eksport. Pada tahun 1962 - 70, semasa harga eksport rendah, pembayaran kasar untuk pendapatan pelaburan bertambah dengan kadar purata tahunan 5.5% kepada RM4 174 juta. Dengan harga eksport yang lebih baik pada tahun 1971- 78, pembayaran kasar pendapatan pelaburan meningkat dengan kadar purata tahunan 16.4% kepada RM9 530 juta (Bank Negara Malaysia, 1979).

<sup>3</sup> Ministry of International Trade and Industry (1995), "Review of the international Master Plan 1986 – 95".

Walaupun penyertaan ekuiti Malaysia semakin bertambah dalam sektor perbadanan, pelaburan asing akan terus memainkan peranan penting bagi pembangunan sektor perindustrian dan pembuatan. Tingkat mutlak pendapatan pelaburan dijangka meningkat dengan semakin bertambahnya pelaburan asing, walaupun peratus daripada pembayaran perkhidmatan mungkin berkurang. Contohnya, peratus pembayaran untuk pendapatan pelaburan berkurang daripada 48% daripada jumlah pembayaran perkhidmatan pada tahun 1961 – 65 kepada 40% pada tahun 1976 – 78, tetapi pembayaran mutlaknya meningkat daripada purata tahunan RM380 juta kepada RM1650 juta dalam jangka masa yang sama.

Secara keseluruhannya,imbangan akaun perkhidmatan sentiasa menunjukkan jumlah yang negatif, iaitu daripada -RM334 juta pada tahun 1961 kepada -RM2917 juta pada tahun 1978. Pada tahun 1980 – 82 akaun perkhidmatan terus menunjukkan kedudukan yang tidak menggalakkan iaitu -RM 5062 juta pada tahun 1980, -RM 4663 pada tahun 1981 dan -RM 5576 juta pada tahun 1982. Ini menunjukkan negara semakin bergantung kepada perkhidmatan luar negara dan kurangnya keupayaan negara untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu untuk perdagangan luar negara dan semakin meningkatnya pengaliran keuntungan dan dividen kepada bukan warganegara. Hal ini perlu diberikan perhatian sekiranya mahu memperbaiki kedudukan imbangan pembayaran negara.

## **2.5 Kesimpulan**

Permasalahan yang nyata di sini ialah walaupun kepentingan tabungan sebagai penstabil ekonomi negara tidak dapat dinafikan, tetapi peranan ini kelihatan seperti tidak begitu ketara kesan daripada situasi tabungan yang rendah berbanding keperluan pelaburan di negara ini. Manakala modal asing pula, terutamanya FDI, tidak memberikan kesan positif yang jelas terhadap ekonomi Malaysia. Oleh itu, satu kajian perlu dibuat untuk melihat apakah sumbangan tabungan dan FDI (dan juga modal rasmi dan buruh) supaya satu bentuk polisi dapat dicadangkan demi membantu proses pertumbuhan yang akan datang.